

15 APR 2002

Universiti-Ling/I

UTAR MAHU JALIN KERJASAMA DENGAN UNIVERSITI SELURUH DUNIA

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) -- Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) mahu menjalinkan kerjasama dengan beberapa universiti dalam usahanya mendapatkan pengiktirafan dunia, kata Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Beliau berkata Majlis Penasihat Akademik Antarabangsa UTAR, yang terdiri daripada ramai cendekiawan terkemuka antarabangsa, merupakan satu kelebihan yang dapat membantu UTAR mendapatkan pengiktirafan.

"Apabila cendekiawan terkemuka mengiktiraf kami, dunia akan mengiktiraf kami... kami berterima kasih kepada para cendekiawan ini yang sanggup membantu kami," kata Dr Ling kepada pemberita selepas memberi taklimat kepada anggota-anggota majlis penasihat itu di Kolej Tunku Abdul Rahman di Setapak, di sini.

Antara ahli akademik terkemuka menganggotai majlis itu ialah Prof Wang Gungwu (Pengarah Institut Asia Timur, National University of Singapore), Prof Lee Yuen Tseh (Presiden, Academia Sinica, Taipei) dan Prof Charles K.C Kao (bekas Naib Presiden, Chinese University of Hong Kong).

Yang lain ialah Prof Tu Weiming (Pengarah Harvard Yenching Institute), Prof Yang Fuija (Canselor, University of Nottingham), Tan Sri Prof Dr Augustine Ong (bekas Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Minyak Sawit Malaysia) dan Prof Dr Ghauth Jasman (Presiden dan Ketua Pegawai Operasi Universiti Multimedia).

Dr Ling berkata pengambilan pertama UTAR diajdualkan pada Jun ini dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyambut kumpulan penuntut pertama itu dan menyampaikan syarahan pertama kepada mereka.

"Ini akan menjadi satu detik bersejarah dan ia adalah sesuatu yang masyarakat Cina di Malaysia tunggu sejak lebih 30 tahun lepas," kata beliau.

-- BERNAMA

AT AHH AAM NAK